

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 8 OGOS 2017

RUJUKAN : 10045

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggubal dasar, piawaian prosedur operasi yang lebih telus daripada segi pengambilan pekerja asing demi mengurangkan beban majikan dalam "Program *Rehiring*". Apakah rasional untuk melantik agen oligopoli untuk menguruskan pengambilan pekerja asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat berhati-hati dalam melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI iaitu Program *Rehiring* dengan menetapkan syarat pendaftaran hanya boleh dilakukan secara atas talian. Selain itu, Kerajaan telah melantik vendor untuk membantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam membimbing, menasihati dan memastikan majikan dan PATI melalui proses dan prosedur Program *Rehiring* sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan.

Vendor yang dilantik memainkan peranan membantu JIM melibatkan dokumentasi serta penyelarasan logistik, melaksanakan Program *Rehiring* secara atas talian bagi membantu mengelakkan penglibatan orang tengah atau ejen. Vendor juga memperkenalkan nilai tambah elemen keselamatan seperti pengecaman biometrik dan imej muka majikan dan PATI bagi mengurangkan unsur-unsur penipuan identiti.

Kerjasama kukuh antara Perwakilan Diplomatik Asing dengan syarikat-syarikat akan menyebabkan pelaksanaan Program *Rehiring* menjadi lebih teratur dan mampu mengelakkan isu-isu sensitif dengan negara berkenaan. Pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing iaitu Program *Rehiring* tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan.